

JAN 2025



IKLAN KEKOSONGAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN PREMIS DI ATAS LOT 27119 TAMAN MERDEKA PERMAI

Tawaran ini adalah dipelawa kepada tuan/puan untuk menyewa, menguruskan termasuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang berkaitan di Premis di atas Lot 27119 milik Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan perincian seperti di jadual berikut :-

| BIL. | NAMA DAN LOKASI | KEKOSONGAN | NO. LOT / MUKIM | KELUASAN | TEMPOH SEWAAN | KADAR MINIMA SEWAAN SEBULAN | JENIS PERNIAGAAN | KOD BIDANG |
|------|----------------------|------------|-------------------------------|--------------------------|---------------|-----------------------------|--|--|
| 1. | TAMAN MERDEKA PERMAI | 1 | LOT 27119 MUKIM BATU BERENDAM | 1,380.00 MP / 0.341 EKAR | 3 TAHUN | RM 10,000.00 | PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN, NAIKTARAF DAN PENGURUSAN | 221506 (Penyewaan dan Pengurusan bagi bangunan/pejabat/stor/ruang niaga/rumah kediaman) |



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN PREMIS DI ATAS LOT 27119 TAMAN MERDEKA PERMAI

1. Pemohon mestilah **Warganegara Malaysia, berumur 21 tahun ke atas dan keutamaan diberikan kepada Syarikat yang mempunyai pejabat di Negeri Melaka, mampu menyediakan kelengkapan, peralatan, kemudahan dan tenaga kerja yang mencukupi.**
2. Tawaran ini adalah mengikut keadaan **sediada** di lokasi yang dinyatakan.
3. **Borang permohonan dan Cadangan Terperinci** perlu dihantar ke kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bersama-sama dokumen seperti berikut :-
 - a. **1 salinan Kad Pengenalan pemohon dan saksi** (suami / isteri / ibu / bapa)
 - b. **1 salinan Penyata Kewangan** yang terkini bagi 3 bulan yang terakhir
 - c. **1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat**
 - d. **1 salinan Sijil Kementerian Kewangan beserta kod bidang yang berkaitan**
 - e. **Softcopy (CD/pendrive) dan hardcopy (3 salinan berwarna)** bagi **Profil Syarikat** serta **Cadangan Terperinci dari pihak Syarikat** yang mengandungi perkara-perkara berikut:-
 - i. Cadangan Kadar Sewa Bulanan kepada MPHTJ
 - ii. Cadangan Menaiktaraf Premis dan Fasiliti Sediada
 - iii. Waktu Operasi dan Tempoh Sewaan
 - iv. Kadar Sewa yang akan dikenakan kepada penyewa.
 - f. Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan **(jika ada)**
4. Permohonan dibuka bermula **27 JANUARI 2025** sehingga **10 FEBRUARI 2025**.
5. Segala pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Nur Ain Syazwani binti Jamaludin atau Encik Kishok a/l Selvarajo di Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di talian **06-2323773 sambungan 325/326**.
6. Pemohon yang telah menghantar dokumen permohonan dengan lengkap beserta bayaran **wang proses RM 10.00, akan dihubungi melalui telefon untuk menghadiri sesi pembentangan**. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh sesi pembentangan adalah dianggap tidak berjaya.



SKOP KERJA BAGI PENYEWAAN DAN PENGURUSAN PREMIS DI ATAS LOT 27119 TAMAN MERDEKA PERMAI

1. Menjalankan aktiviti perniagaan berkonsepkan medan selera atau *food court* secara terbuka.
2. Bertindak selaku penganjur dan badan yang menguruskan operasi perniagaan di premis tersebut.
3. Memastikan premis sentiasa berada dalam keadaan selamat, bersih dan terjaga dari semua aspek.
4. Menyelenggara dan menaiktaraf keseluruhan kawasan premis untuk kemudahan kepada pelanggan dan peniaga.
5. Memastikan longkang, rumput dan pokok yang berada dalam kawasan diselenggara dengan baik.
6. Menyediakan kelengkapan dan keperluan selengkapnya bagi setiap kiosk atau gerai yang akan disewakan.
7. Memastikan perniagaan dan aktiviti yang dijalankan tidak melanggar undang-undang.
8. Keseluruhan kawasan perlu dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) yang aktif dan berfungsi dengan baik.
9. Semua kos, tanggungan dan perbelanjaan untuk mengurus, menyelenggara, menaiktaraf dan menjalankan operasi adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya.
10. Menaiktaraf *septic tank* mengikut standard piawaian yang diluluskan.
11. Memastikan sisa pepejal diuruskan dengan sempurna oleh kontraktor yang berdaftar dengan **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)**.
12. Memastikan semua peniaga mempunyai suntikan *typhoid*, sijil pengendalian makanan dan lesen perniagaan daripada pihak Majlis.
13. Syarikat perlu mengambil insurans tanggungan awam sekurang-kurangnya RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta sahaja).

(DATIN SAPIAH BINTI HARON)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

ZB/NASJ/iklankekosongantanahkosongtamanmerdekapermalink